



KENYATAAN MEDIA

PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA

24 SYARIKAT PRODUKSI TEMPATAN TERIMA TAWARAN DANA KANDUNGAN DIGITAL (DKD) DALAM USAHA BERTERUSAN MENERBITKAN KANDUNGAN KREATIF BERKUALITI TINGGI

Hulu Kelang, 29 Ogos 2023 – Dalam usaha berterusan memangkin kualiti kandungan kreatif tempatan agar berdaya saing sehingga ke peringkat antarabangsa disamping memperkasakan industri kreatif tempatan serta menjana ekonomi pendapatan tinggi industri kandungan kreatif Negara, Kementerian Komunikasi & Digital (KKD) menerusi Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) sebagai agensi pelaksana Dana Kandungan Digital (DKD) sektor filem telah membuka permohonan Dana Kandungan Digital (DKD) bagi kategori Dana Filem Cereka dan Dana *First Time Amature Filmmaker* (FAME) melalui Sistem Pengurusan dan Pemantauan Industri Kreatif (SPPIK) pada 6 Mac sehingga 5 April 2023.

Sebanyak 14 syarikat produksi tempatan telah ditawarkan Dana Filem Cereka dan 10 syarikat telah ditawarkan Dana FAME melibatkan jumlah keseluruhan RM18.3 juta. Sebanyak 350 permohonan Dana Filem Cereka dan 118 permohonan Dana FAME telah dinilai secara telus dan berintegriti dalam jawatankuasa yang terdiri dari para panel di kalangan industri kandungan kreatif dan Kementerian Komunikasi & Digital (KKD).

Dana Filem Cereka merupakan sokongan pembiayaan peruntukan di bawah KKD bertujuan untuk membantu penerbitan yang lebih berkualiti. Manakala Dana FAME merupakan inisiatif baharu yang bertujuan untuk menggalakkan penerbitan kandungan kreatif filem cereka menerusi kombinasi syarikat produksi berpengalaman dengan pengarah filem cereka buat kali pertama. Majlis Penyerahan Surat Tawaran Dana Filem Cereka & Dana *First Time Filmmaker* (FAME) telah disempurnakan oleh YB Fahmi Fadzil, Menteri Komunikasi & Digital pada 28 Ogos 2023.

Sebagai usaha berterusan merangsang perkembangan industri perfileman melalui penerbitan kandungan kreatif, permohonan Dana Kandungan Digital (DKD) akan dibuka semula pada 11 September 2023 bagi kategori-kategori seperti berikut:

- i. Dana Filem Cereka;
- ii. Dana Program TV;
- iii. Dana Dokumentari.

Syarikat produksi tempatan yang berpengalaman dengan rekod kewangan yang baik adalah dipelawa untuk memohon dana tersebut. Keutamaan bagi projek yang mempunyai potensi kerjasama yang dimeterai melalui perjanjian dengan produksi tempatan/antarabangsa dan/atau sumber penaja/pelabur luar. Infografik terperinci dan pautan permohonan akan dikemukakan

sebelum tarikh tempoh permohonan dibuka di www.sppik.finás.my. Sebarang permohonan adalah tertakluk kepada Garis Panduan dan Peraturan DKD yang berkuatkuasa. Bagi pertanyaan dan maklumat lanjut boleh berhubung terus dengan Bahagian Pengurusan Produksi FINAS melalui emel di infodkd@finas.my / sitinoraiysha@finas.my.

Unit Komunikasi Korporat

Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)

29 Ogos 2023